

06 JAN 1997

DR M: PENSWASTAAN PERWAJA MASIH TERBUKA KEPADA SYARIKAT LAIN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mana-mana syarikat yang berminat menyertai di dalam penswastaaan Perwaja Steel Sdn Bhd dialu-alukan berbuat demikian.

Beliau ditanya sama ada Lion Group, yang pada asalnya ditawarkan untuk menyertai, masih boleh mengambil bahagian.

"Dia (Lion Group) masih boleh menyertai kalau dia hendak. Kita terbuka," kata Dr Mahathir.

Ini adalah kerana kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Terengganu bersama-sama memegang 49 peratus ekuiti dalam Perwaja dan sebahagian daripada ekuiti itu boleh diberikan kepada pihak yang berminat, beliau memberitahu pemberita selepas penyampaian Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 di sini.

Ekuiti 51 peratus lagi dipegang oleh Maju Holdings Sdn Bhd, kumpulan Bumiputera yang kini melaksanakan langkah menyelamatkan dan penswastaaan Perwaja.

Ditanya sama ada beliau fikir Maju Holdings dan Lion Group boleh bekerja bersama, katanya, "apa yang saya fikir tidak ada sebarang perbezaan. Apa yang mereka (Maju and Lion) fikir adalah yang penting."

Mengenai peranan kerajaan dalam menanggung hutang dan kerugian Perwaja bernilai kira-kira RM6.0 bilion, katanya ia dilakukan bagi membolehkan Maju Holdings bermula dengan keadaan bersih, jika tidak hutang dan kerugian itu akan terus terkumpul.

"Kerajaan terpaksa mengasingkan hutang yang berlaku pada permulaan," jelasnya. "Kerajaan akan mengambil alih hutang dan kerugian itu.

"Kita terpaksa mencari sumber-sumber wang untuk membayar hutang itu. Tentulah, kerugian mungkin akan dihapus kira. Hutang terpaksa dibayar. Tidak ada cara kita boleh mengelakkan membayar hutang," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS OS/sia